

PENILAIAN PELAJAR- PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TERHADAP AMALAN KEPIMPINAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

Ab. Halim bin Tamuri
Mohd Izham Hamzah, Ph.D.
Masribanun bt. Duki

ABSTRAK

Kewibawaan kepimpinan guru pendidikan Islam adalah sangat penting untuk melaksanakan usaha mendidik dan memimpin pelajar secara lebih berkesan. Keunggulan dan keluhuran peribadi Rasulullah yang menjadi role-model perlu dilihat sebagai asas dalam pembinaan gaya kepimpinan setiap guru pendidikan Islam. Sehubungan dengan itu, setiap guru pendidikan Islam perlu memiliki ciri dan sifat-sifat keluhuran dan ketrampilan diri untuk dijadikan contoh dan qudwah yang baik kepada pelajar dan masyarakat. Tumpuan kajian adalah untuk mengkaji aspek penting dalam kepimpinan guru iaitu tahap kualiti kepimpinan guru Pendidikan Islam dari aspek contoh teladan, bimbingan dan kasih sayang berdasarkan persepsi pelajar. Kajian tinjauan awal ini telah melibatkan 140 orang responden daripada 4 buah sekolah di satu daerah luar bandar di negeri Selangor. Sampel kajian dipilih berdasarkan persampelan rawak mudah. Alat kajian ialah satu set borang soal selidik. Data kajian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Beberapa hipotesis kajian telah diuji dengan Ujian-t dan Anova Satu Hala. Berdasarkan skor nilai min ini menunjukkan bahawa purata min bagi ketiga-tiga aspek kepimpinan guru Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana sahaja. Kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam berdasarkan jantina, pencapaian dalam Pendidikan Islam PMR dan aliran pelajar.

PENDAHULUAN

Umum, masyarakat memahami istilah kepimpinan sering dikaitkan dengan orang yang bertanggungjawab mempengaruhi, memberangsang, mengarah, mengawas, menyelaras dan memandu seseorang atau kumpulan dalam melakukan sesuatu aktiviti untuk mencapai hasil yang diharapkan. Dalam bahasa Arab, ia diertikan sebagai *Imamah, Khilafah, Qiadah, Za'amah, Ri'asah dan Siyadah* (Andek Masnah 1999). Menurut beliau, al-Imamah ialah orang yang diikuti kata-katanya dan perbuatannya. Imam juga bermakna sesuatu yang membimbing orang lain ke arah kebaikan. Melalui kepimpinan pendidikan. Abdul Halim al-Muhammadi (1999), menjelaskan bahawa pendidik adalah agen kepada keberkesanan sesuatu sistem pendidikan. Kejayaan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran berkait rapat dengan kesedaran pendidik terhadap tanggungjawab, kelengkapan ilmu dan keluhuran peribadinya. Menurut terminologi pendidikan, pengajaran dan pembelajaran tidak akan berlaku melainkan secara timbal balik atau memberi dan menerima daripada dua pihak iaitu pendidik dan pelajar (Abdullah Ishak 1995:80).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut perspektif Islam, kepimpinan adalah amanah yang wajib ditunaikan. Pemimpin pula ialah orang yang memandu dan mengajak orang lain ke arah kebahagiaan, mendapat keredhaan Allah, membuat segala suruhan Allah dan meninggalkan laranganNya (Ibrahim Mamat, 1997:110). Firman Allah s.w.t. dalam surah Ali Imran ayat 110:

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat baik dan melarang daripada perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah”.

Intipati ayat di atas, memberi gambaran yang jelas tentang kedudukan pendidik sebagai pemimpin. Mereka bertanggungjawab dalam menyampaikan ilmu dan membina perkembangan manusia sebagai amanah Allah untuk membawa manusia ke jalan kebenaran. Sebagaimana yang berlaku pada Rasulullah s.a.w. ketika menerima wahyu pertama, di mana Baginda telah diajar dan dibimbing oleh Malaikat Jibril a.s selaku guru kepada Baginda.

Kepimpinan dalam Islam sifatnya adalah bersepadu, iaitu kepimpinan yang menitikberatkan keseimbangan di antara roh dan jasad, pembangunan antara spiritual dan material bagi menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat (Andek Masnah 1999). Pendidik yang mempunyai kefahaman yang jelas terhadap pelaksanaan keperluan insan secara sepadu ini akan membuahkan hasil ke arah matlamat yang ingin dicapai. Kewibawaan pemimpin perlu untuk membawa ke arah kecemerlangan ummah. Dua prinsip kepimpinan yang telah digariskan oleh Ibn Taimiyyah (1999) iaitu al-Quwwah (berwibawa) dan al-Amanah (takut kepada Allah s.w.t.).

Paparan sejarah telah banyak menampilkan keunggulan beberapa tokoh kepimpinan Islam seperti Saidina Abu Bakar as-Siddiq, Saidina Umar al-Khattab, Saidina Usman Ibn Affan, Omar Ibn Abdul Aziz. Tokoh-tokoh Islam silam ini sentiasa mengamalkan sifat taqwa, amanah, jujur dan ikhlas dalam kepimpinan mereka. Sifat-sifat inilah yang menjadi qudwah dan contoh teladan terbaik kepada masyarakat (Kamaruddin Zakaria 2000). Sejarah juga telah membuktikan bahawa para sahabat generasi awal yang taat kepada Allah s.w.t. ini telah berjaya membangunkan diri menjadi individu yang cemerlang sehingga mereka telah diiktiraf oleh Allah s.w.t. sebagai sebaik-baik umat (Nor Hayati Alwi 2002). Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah s.w.t.

(Al-Imran: 110)

Kenyataan ini membuktikan bahawa kepimpinan Islam amat mementingkan persoalan akhlak, sifat-sifat mulia, kemampuan dan kewibawaan dalam memimpin ummah. Menurut Aminuddin Mohd. Yusof (1990), sebagai pemimpin yang menjadi model kepada yang dipimpin seharusnya mempunyai kemampuan dan kemahiran dalam aspek tertentu untuk melayakkan dirinya sebagai qudwah terbaik dan pemimpin yang berwibawa. Sehubungan dengan itu, ilmu pengetahuan adalah aset penting untuk memastikan wujudnya kualiti kepimpinan. Pendidik yang kaya dengan ilmu akan dapat memberi keyakinan kepada pelajar sehingga martabat pendidik di anggap sebagai ulamak.

Pendapat di atas telah diperkukuhkan lagi oleh Zawawi Ahmad (1991) yang menjelaskan bahawa pendidik berperanan sebagai pemimpin,

pembimbing dan pengajar masyarakat. Mereka diharapkan dapat memimpin generasi muda ke arah kehidupan yang selamat dan sejahtera. Menurut beliau, pendidik juga seharusnya melaksanakan konsep kepimpinan melalui teladan. Hadari Nawawi (1993) turut menyatakan bahawa kepimpinan pendidik yang lebih mantap dan efektif adalah melalui beberapa ciri berikut antaranya:

- i. Sikap dan perilaku pendidik yang baik.
- ii. Akhlak yang terpuji dan baik.
- iii. Kemampuan menggerak terhadap pimpinannya.
- iv. Kemampuan dalam memotivasikan pimpinannya.

Tegasnya, Islam begitu memandang berat terhadap tugas dan tanggungjawab pendidik sebagai pembimbing dan pemimpin untuk penyampaian ilmu. Tugas pendidik bukan sahaja mengajar, menimba ilmu atau memberi ilmu, malah mendidik dan memimpin generasi ke arah kehidupan yang sejahtera.

Pada asasnya, teori kepimpinan pendidikan dalam Islam telah lama wujud dalam kepimpinan Islam dan telah dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam mendidik dan memimpin umat Islam, khususnya para sahabat. Oleh itu, konsep kepimpinan pendidikan Islam telah dijadikan model dan platform kepada teori kepimpinan pendidikan yang dihasilkan oleh pakar-pakar sepanjang zaman. Sejarah telah membuktikan bahawa Rasulullah s.a.w. sebagai pembawa risalah, sekaligus sebagai pendidik dan pemimpin yang unggul. Kepimpinan Islam merujuk melalui kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai ikutan yang terbaik. Kerana pada diri Baginda terkandung segala contoh dan teladan yang baik dalam semua aspek kehidupan (Ibrahim Mamat 1997:110). Sabda Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya yang bermaksud: "Sesungguhnya diutuskan aku untuk menyempurnakan akhlak yang mulia" (Riwayat al-Bukhari).

Keagungan kepimpinan Rasulullah s.a.w. jelas terbukti melalui kegemilangan usaha Baginda sebagai pendidik dan pemimpin yang berjaya membawa umatnya dari kegelapan kepada kesejahteraan ummah. Walaupun usaha ini memakan masa selama 23 tahun, namun matlamat untuk membina, mendidik dan melahirkan generasi rabbani akhirnya terhasil. Matlamat pendidikan dan ciri-ciri kepimpinan pendidik Muslim menepati dengan ciri kepimpinan Rasulullah s.a.w. dalam proses mendidik dan memimpin ummah ke arah ummah yang berilmu dan sejahtera. Melalui


paparan para ilmuan yang lalu didapati bahawa kejayaan kepimpinan Rasulullah s.a.w. adalah dengan melaksanakan pelbagai kaedah dan amalan seperti bersifat penyabar, penyayang, prihatin, bersikap adil, tulus serta memimpin secara praktikal iaitu melalui contoh teladan (Ibrahim Mamat 1997; Ab. Halim 2002) Ciri-ciri inilah seharusnya dicontohi oleh setiap pendidik hari ini dalam melaksanakan proses mendidik untuk melahirkan insan yang mulia.

Berdasarkan kajian kepimpinan pendidikan, golongan pendidik disaran melaksanakan ciri-ciri kepimpinan yang baik dan berkualiti seperti yang diamalkan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. Namun realiti ini masih belum berlaku, konsep mendidik, membimbing dan memimpin telah semakin luntur disebabkan terlalu memberi fokus kepada pemindahan dan penyampaian ilmu dan maklumat, penekanan prestasi akademik dan berorientasikan peperiksaan semata-mata (Zainal Abidin Abdul Kadir 1994, Wan Mohd Zahid Nordin 1993, Zahrah Bahran 1997). Ini membuktikan bahawa sebahagian pendidik hari ini masih belum mampu mewujudkan kepemimpinan yang berwibawa dan berkualiti.

Sehubungan dengan itu, kewibawaan pendidik Muslim adalah sangat penting untuk melaksanakan usaha mendidik dan memimpin pelajar secara lebih berkesan. Keunggulan dan keluhuran peribadi Rasulullah s.a.w. jika diterapkan dalam diri setiap pendidik, maka mereka akan dapat menjadi role model kepada para pelajar seterusnya berusaha menjadi pelajar yang terpuji. Dalam hal ini, didapati masih ramai pendidik termasuk guru Pendidikan Islam hari ini tidak mampu menjadikan dirinya sebagai role model terbaik terhadap pelajar, malah ada masih tidak dapat menerapkan nilai-nilai mulia ke dalam diri pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Ab. Halim Tamuri 2000). Kesannya Pendidikan Islam gagal untuk dihayati dan diamalkan dalam kehidupan pelajar. Kegagalan pendidik dalam memperkasa nilai murni dan sifat mahmudah ke dalam diri pelajar menjadi faktor krisis akhlak dan disiplin pelajar hari ini yang semakin meruncing. Perkara ini seharusnya disedari oleh semua pendidik untuk membina kekuatan diri sebagai pendidik dan pemimpin yang terbaik. Tegasnya, pendidik Muslim perlu melaksanakan kepimpinan pendidikan berteraskan kepada kepimpinan Rasulullah s.a.w. demi kesejahteraan dan kegemilangan ummah.

Kenyataan di atas membuktikan pendidik perlu memiliki ciri dan sifat-sifat keluhuran dan ketrampilan diri untuk dijadikan contoh dan

qudwah yang baik kepada pelajar dan masyarakat. Kegagalan menampilkan keluhuran ciri-ciri tersebut, tentunya akan membantutkan keunggulan ummah dan secara tidak langsung merendahkan martabat golongan pendidik agama sebagai golongan ulamak yang berwibawa. Oleh itu, peranan dan kepimpinan pendidik bukan sekadar melaksanakan tugas pengajaran dalam kelas atau dewan kuliah, malah memberi makna yang lebih luas ke arah perubahan yang lebih baik terhadap individu menurut pandangan Islam. Tingkah laku yang disertai dengan ciri-ciri kemuliaan pendidik, akan mempamerkan keunggulan kepimpinan pendidik Muslim ke arah kepimpinan yang lebih efektif dan berkualiti. Tugas mendidik melalui contoh teladan, kasih sayang dan bimbingan dapat digambarkan dalam model seperti berikut:



Rajah 1 Model kepimpinan pendidik ke arah kepimpinan berkualiti
Sumber: Abdul Fattah Abu Ghudd (2001)

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan di mana tujuannya untuk mendapatkan pandangan dan maklumat daripada responden berhubung kepimpinan guru pendidikan Islam. Model teori kepimpinan ini adalah berdasarkan teori kepimpinan Rasulullah s.a.w. selaku pendidik dan pemimpin yang unggul dengan pelbagai pendekatan yang berkesan. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam daripada aspek contoh teladan, bimbingan dan kasih sayang, mengenal pasti tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti keagamaan di sekolah dan mengenal pasti perbezaan penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru berdasarkan jantina, pencapaian dan aliran pelajar. Pengkaji membataskan bidang kepimpinan guru Pendidikan Islam kepada tiga aspek sahaja iaitu contoh teladan, bimbingan dan kasih sayang. Kajian

ini juga hanya dijalankan di empat buah sekolah menengah di sebuah daerah luar bandar di Selangor dan ia tidak akan digeneralisasikan ke kawasan-kawasan lain. Dalam memilih responden kajian, berdasarkan senarai kehadiran pelajar, pemilihan sampel telah dijalankan secara rawak mudah untuk memastikan kesemua ahli-ahli populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini telah menggunakan satu borang soal selidik 5 skala Likert yang telah dibina berasaskan pengubahsuaian daripada beberapa pengkaji sebelum ini seperti Ab. Halim Tamuri (2004), Hawa Hassan (2001) dan Ab. Kadir Nordin (2000). Bagi memperoleh tahap kebolehpercayaan kesahan dalaman dan keseragaman item soal selidik, kajian rintis telah diuji dengan menggunakan pekali *alpha cronbach*. Nilai *alpha cronbach* yang diperoleh ialah 0.80. Kajian ini telah dijalankan oleh penyelidik dimana beliau mentadbir dan mengumpulkan semula kesemua borang soal selidik yang telah lengkap dijawab oleh responden. Penyemakan dibuat ke atas setiap helaian soalan bagi memastikan kesemua soalan dijawab oleh responden mengikut arahan dengan betul. Data-data berbentuk negatif telah dikod semula untuk mendapatkan nilai sebenar semasa penganalisan data kajian. Perisian SPSS Windows versi 12.0.1 digunakan untuk menganalisa data kajian secara deskriptif dan juga inferensi. Skala penilaian min adalah berdasarkan skala berikut 1.00 hingga 2.33 (Rendah), 2.34 hingga 3.66 (Sederhana) dan 3.67 hingga 5.00 (Tinggi).

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan dapatan analisis kajian melalui penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam berdasarkan tiga kontrak iaitu contoh teladan, bimbingan dan kasih sayang. Seramai 140 orang responden daripada berbagai latar belakang telah terlibat dalam kajian dimana 35 orang (25%) responden adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan 105 orang responden (75%) adalah daripada pelajar perempuan. Seramai 86 orang responden (61.4%) adalah terdiri daripada aliran sains, manakala aliran sastera adalah seramai 54 orang (38.6%). Seramai 66 orang responden (47.1%) telah mendapat gred A dalam Pendidikan Islam PMR, 64 orang responden (45.7%) mendapat gred B, hanya 9 orang (6.4%) mendapat gred C dan seorang mendapat gred D.

Analisis taburan responden tentang penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam dalam aspek contoh teladan adalah seperti berikut:

Berdasarkan skor keseluruhan yang diperoleh, menunjukkan tahap kepimpinan guru Pendidikan Islam berdasarkan contoh teladan adalah pada tahap sederhana.

Jadual 1 Taburan Kekerapan Kepimpinan Guru PI Aspek Contoh Teladan

No	Item	Min	SP
1	Bersikap adil kepada semua pelajar.	2.94	1.16
2	Penyabar dalam setiap tindakan.	3.06	1.12
3	Berbudi bahasa terhadap pelajar.	3.08	1.16
4	Sentiasa berpakaian kemas dan menarik.	3.49	0.60
5	Sentiasa berwajah ceria.	2.94	1.21
6	Penyampaiannya menarik semasa P&P.	2.86	1.18
7	Sikapnya disenangi oleh pelajar.	2.73	1.39
8	Dedikasi dalam melaksanakan tugas.	3.05	1.06
9	Suka bertindak kasar terhadap pelajar.*	2.66	0.66
10	Kurang bertimbang rasa kepada pelajar.*	2.64	0.67
11	Sentiasa bersikap serius pada pelajar.*	2.06	108
	KESELURUHAN		
	*Item negatif	2.86	0.577

Analisis selanjutnya memperlihatkan taburan penilaian responden terhadap kepemimpinan guru Pendidikan Islam adalah berdasarkan respon responden terhadap item bimbingan seperti berikut:

Jadual 2 Taburan Kekerapan Kepimpinan Guru PI Aspek Bimbingan

No	Item	Min	SP
1	Bersungguh-sungguh dalam mendidik pelajar.	2.95	1.28
2	Sentiasa memberi dorongan kepada pelajar.	3.15	1.08
3	Bersedia memberi tunjuk ajar kepada pelajar.	3.38	0.84
4	Sabar melayani kerenah pelajar.	3.14	1.04
5	Sanggup meluangkan masa untuk berbincang pelajar.	2.49	1.50
6	Bimbingannya menyeronokkan dan menarik minat pelajar.	2.65	1.40
7	Suka memberi penghargaan terhadap aktiviti pelajar.	2.14	1.48
8	Sanggup bertugas lebih masa demi kejayaan pelajar.	2.14	1.57
9	Bimbingannya hanya tertumpu pada pelajar tertentu sahaja.*	2.66	0.90
10	Kurang berminat untuk membimbing pelajar.*	2.56	0.79
11	Pengajarannya membosankan pelajar.*	2.44	0.95
	KESELURUHAN *Item negatif	2.698	0.673

Melalui Jadual 2 di atas menjelaskan analisis taburan min penilaian responden terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam melalui item-item berkaitan bimbingan. Dapatan analisis di atas, menunjukkan min keseluruhannya ialah 2.698 dan sisihan piawai sebanyak 0.673. Dapatan keseluruhan ini telah menunjukkan tahap kepimpinan guru Pendidikan Islam berdasarkan bimbingan adalah di tahap sederhana .

Berikut adalah dapatan yang berkaitan dengan aspek kasih sayang dalam kepimpinan guru Pendidikan Islam.

**Jadual 3 Taburan Kekerapan Kepimpinan Guru PI
Aspek Kasih Sayang**

No	Item	Min	SP
1	Mudah memberi pertolongan kepada pelajar	2.74	1.27
2	Sentiasa memastikan pelajarinya dalam keadaan sihat dan ceria	2.40	1.41
3	Gemar membantu menyelesaikan masalah pelajar	2.43	1.48
4	Sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan pelajar	2.11	1.54
5	Memberi perhatian saksama kepada semua pelajar semasa P&P.	2.78	1.34
6	Proses pengajaran dan pembelajarannya sering diselangi dengan jenaka	3.00	1.16
7	Salah seorang guru yang disukai oleh pelajar	2.41	1.49
8	Guru yang sering diperlukan oleh pelajar untuk memberi nasihat dan bimbingan	2.20	1.56
9	Tidak sanggup meluangkan masa untuk berbincang bersama pelajar.*	2.74	0.82
10	Kurang memberi perhatian terhadap pelajar bermasalah.*	2.61	0.93
11	Salah seorang guru yang ditakuti oleh pelajar di sekolah.*	2.46	0.93
	KESELURUHAN *Item negatif	2.534	0.719

Paparan Jadual 3 di atas, menunjukkan analisis taburan min keseluruhan bagi penilaian responden terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam adalah berdasarkan item-item kasih sayang. Analisis ini menunjukkan min keseluruhannya ialah 2.534 dan sisihan piawai sebanyak 0.719. Melalui dapatan min keseluruhan di atas, menunjukkan tahap kepimpinan guru Pendidikan Islam berdasarkan contoh teladan adalah di tahap sederhana. Secara keseluruhan taburan kekerapan min bagi soalan-soalan kajian berkaitan penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam berdasarkan contoh teladan, bimbingan dan kasih sayang dapat diperlihatkan seperti berikut:

Kepimpinan guru PI	Min	Sisihan Piawai
Contoh Teladan	2. 864	0.577
Bimbingan	2. 698	0.673
Kasih Sayang	2. 534	0.719
Min keseluruhan	2.699	0.603

Jadual di atas menjelaskan analisis taburan min keseluruhan bagi penilaian responden terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam adalah berdasarkan tiga konstruk iaitu contoh teladan, bimbingan dan kasih sayang. Didapati min contoh teladan merupakan yang tertinggi berbanding yang lain dengan nilai sebanyak 2.86. Nilai min keseluruhannya ialah 2.699, manakala sisihan piawai adalah 0.603. Berdasarkan skor nilai min ini menunjukkan bahawa tahap kepimpinan guru Pendidikan Islam daripada penilaian pelajar hanya berada di tahap sederhana berdasarkan penilaian skor min yang telah ditetapkan. Dapatan tersebut mempunyai persamaan dengan kajian-kajian kepimpinan guru daripada bidang lain seperti yang dijalankan oleh Zahran Bahrn (1997) dan Hawa Hassan (2001). Dapatlah dirumuskan bahawa pada pandangan pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam mereka masih kurang memuaskan hati mereka.

Kajian yang dijalankan juga melihat kekerapan pelajar dalam mengikut aktiviti-aktiviti keagamaan di sekolah. Penglibatan pelajar-pelajar ini secara asasnya adalah penting kerana mereka dapat bersama-sama dengan guru-guru pendidikan Islam mereka secara tidak formal. Jadual berikut menunjukkan kekerapan pelajar mengikuti beberapa aktiviti keagamaan utama yang sering dijalankan di sekolah mereka.

Jadual 4 Taburan Kekerapan Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Keagamaan

No	Item	TP	SS	AK	K	SS	Min	SP
1	Solat berjemaah.	7 (5%)	28 (20%)	18 (12.9%)	33 (23.6%)	54 (38.6%)	3.71	1.300
2	Solat Hajat dan bacaan Yasin.	03 (2.1%)	40 (28.6%)	20 (14.3%)	33 (23.6%)	44 (31.4%)	3.54	1.260
3	Sambutan Hari kebesaran Islam	1 (7%)	45 (32.1%)	22 (15.7%)	28 (20%)	44 (31.4%)	3.49	1.255
4	Ceramah Agama.	1 (0.7%)	60 (42.9%)	31 (31%)	19 (13.6%)	29 (20.7%)	3.11	1.192
5	Kelas PAFA.	13 (9.3%)	51 (36.4%)	14 (10%)	33 (23%)	29 (20.7%)	3.10	1.343
6	Qiamullail.	13 (9.3%)	53 (37.9%)	28 (20%)	24 (17.1%)	22 (15.7%)	2.92	1.247
7	Halaqah al-Quran.	25 (17.9%)	57 (40.7%)	19 (13.6%)	24 (17.1%)	15 (10.7%)	2.62	1.261
8	Tazkirah Jumaat.	38 (27.1%)	44 (31.4%)	22 (15.7%)	16 (11.4%)	20 (14.3%)	2.54	1.375
9	Minggu penghayatan Islam.	23 (16.4%)	71 (50.7%)	15 (10.7%)	16 (11.4%)	15 (10.7%)	2.49	1.208
10	Khemah ibadat.	36 (25.7%)	55 (39.3%)	21 (15%)	14 (10%)	14 (10%)	2.39	1.251
11	Kursus kepimpinan	39 (27.9%)	64 (45.7%)	16 (11.4%)	11 (7.9%)	10 (7.1%)	2.21	1.147

Berdasarkan keputusan dapatan ini juga memperlihatkan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti keagamaan di sekolah berada pada tahap sederhana, ia meliputi jenis aktiviti iaitu solat hajat dan bacaan Yasin (min 3.54), sambutan hari kebesaran Islam (min 3.49), ceramah agama (min 3.11), kelas PAFA (min 3.10), Qiamullail (min 2.92), halaqah al-Quran (min 2.62), tazkirah Jumaat (min 2.54), minggu penghayatan Islam (min 2.49), khemah ibadat (min 2.39), dan kursus kepimpinan (min 2.21). Dapatan ini menggambarkan pelajar-pelajar yang terlibat dalam aktiviti tersebut masih di tahap yang belum memuaskan, sedangkan aktiviti keagamaan seperti ini amat digalakkan oleh KPM sebagai wadah pembinaan insan yang seimbang dan sempurna. Perkara ini telah dikemukakan oleh Abdul Samad Seron, (2000) melalui kajiannya menyatakan bahawa penglibatan pelajar dalam bidang kokurikulum berupaya memberi impak yang tinggi kepada pembangunan diri pelajar seiring dengan pencapaian akademik mereka.

Selain itu, beberapa ujian telah dijalankan untuk melihat perbezaan antara kumpulan seperti berikut:

Jadual 5 Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Kepimpinan Guru Pendidikan Islam Berdasarkan Jantina.

Jantina	N	Min	SP	t	Sig.P
Lelaki	35	2.75	0.581	0.527	0.469
Perempuan	105	2.68	0.611		

Signifikan pada tahap $p < 0.05$

Jadual 5 di atas menunjukkan bahawa perbezaan penilaian pelajar yang berlainan jantina terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam. Skor min bagi responden lelaki ialah 2.75 ($N = 35$, $SP = 0.581$), berbeza dengan skor min bagi responden perempuan iaitu 2.68 ($N = 105$, $SP = 0.611$). Ini menunjukkan skor min pelajar lelaki adalah lebih tinggi daripada pelajar perempuan. Manakala nilai-t antara jantina ialah $t = 0.527$ dan tahap signifikan ialah $p = 0.469$. Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Oleh itu, secara statistik, ini bererti tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepimpinan guru Pendidikan Islam dari penilaian pelajar berlainan jantina.

Jadual 6 Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Kepimpinan Guru Pendidikan Islam Berdasarkan Pencapaian Pendidikan Islam PMR

Gred	Jumlah Kuasa Dua	DK	MDK	F	Sig.P
Antara kumpulan	0.774	3	0.258	0.705	0.551
Dalam kumpulan	49.764	136	0.366		

Signifikan pada tahap $p < 0.05$

Jadual 6 menunjukkan nilai F ialah 0.705 dan pada tahap $p = 0.551$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Dengan ini, tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepimpinan guru Pendidikan Islam dari penilaian pelajar berdasarkan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam mereka.

Jadual 7 Perbezaan Persepsi Pelajar Terhadap Kepimpinan Guru Pendidikan Islam Berdasarkan Aliran.

Aliran	N	Min	SP	t	Sig.P
Sains	86	2.719	0.587	0.10	0.748
Sastera	54	2.668	0.632		

Signifikan pada tahap $p < 0.05$

Jadual 7 di atas menunjukkan skor min bagi aliran sains ialah 2.719 ($N = 86$, $SP = 0.587$), manakala skor min bagi aliran sastera adalah 2.668 ($N = 54$, $SP = 0.632$). Skor min ini menunjukkan aliran sastera adalah lebih rendah berbanding aliran sains. Manakala nilai-t ialah $t = 0.10$ dan tahap signifikan ialah $p = 0.748$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p = 0.748 > 0.05$). Oleh itu, hipotesis nol adalah diterima. Justeru tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepimpinan guru Pendidikan Islam daripada penilaian pelajar berlainan aliran iaitu sains dan sastera.

Jadual 8 Hubungan di antara Persepsi Pelajar Terhadap Kepimpinan Guru PI dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Keagamaan.

	r	P
Kepimpinan guru Pend. Islam*	0.337	0.000
Penglibatan pelajar dalam aktiviti keagamaan		

Signifikan pada aras 0.01

Jadual 8 menunjukkan kolerasi antara penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti keagamaan di sekolah. Secara keseluruhannya nilai kolerasi $r = 0.337$ adalah lemah walaupun nilai P yang diperoleh adalah signifikan pada aras 0.00. Ini bermakna, terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru, dengan penglibatan mereka dalam aktiviti keagamaan, namun kekuatan hubungan tersebut adalah lemah.

Ujian-ujian yang dijalankan di atas menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam berdasarkan jantina, pencapaian PMR dan aliran akademik. Ujian korelasi juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar dengan penglibatan mereka dalam aktiviti keagamaan di sekolah.

RUMUSAN

Secara ringkasnya, berdasarkan persepsi pelajar, kepimpinan guru Pendidikan Islam yang di kaji pada keseluruhannya hanya berada pada tahap sederhana sahaja. Selain itu, tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti keagamaan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah adalah sederhana. Persepsi pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam mereka tidak berbeza berdasarkan jantina, pencapaian dalam Pendidikan Islam PMR dan aliran akademik mereka. Maka, guru-guru Pendidikan Islam perlu memperbaiki kelemahan yang wujud di samping mempertingkatkan kualiti dan tahap kepimpinan yang tinggi terhadap pelajar. Ini perlu kerana berdasarkan dapatan yang diperoleh, tahap kepimpinan guru Pendidikan Islam yang dikaji ini sama ada dari segi penampilan contoh teladan, bimbingan atau pemupukan kasih sayang masih di tahap sederhana. Guru perlu melengkapi diri dengan ciri-ciri kepimpinan yang baik, keperibadian yang mulia dan tingkah laku yang positif sebagai contoh teladan kepada pelajar. Cara ini, akan menyerlahkan usaha dan keupayaan guru Pendidikan Islam sebagai pendidik yang profesional dan berwibawa dalam membangunkan diri generasi muda umat Islam di negara ini. Matlamat pendidikan untuk melahirkan insan yang baik dan berkualiti akan terhasil sekiranya semua golongan memainkan peranan secara efektif dan sepadu. Kesepaduan ini bukan sahaja kepada ilmu yang dititiskan kepada pelajar malah pelaksanaan strategi pendidikan yang mantap dan berkualiti akan dapat menjayakan hasrat ini. Lantaran itu, kepimpinan guru

Pendidikan Islam yang mendokongi gelaran ulamak dan pewaris nabi perlu bertindak secara proaktif dalam melaksanakan perubahan di zaman abad 21 dengan membina generasi cemerlang dalam semua aspek kehidupan duniawi dan ukhrawi ke arah generasi yang beriman, bertaqwa dan berakhlak mulia.

RUJUKAN

Al Quran al-Karim.

Ab. Halim Tamuri. 2000. "A study of students' knowledge of akhlaq of the Malaysian Secondary Education". Tesis PhD, Universiti of Birmingham.

Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. 2002. *Pendidikan akhlak dalam KBSM: Persepsi pelajar terhadap kosep akhlak* .Prosiding Wacana Pendidikan Islam. Bangi: UKM.

Ab. Halim et al. 2004. "Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar". Laporan Kajian Fakulti Pendidikan, UKM dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.

Ab. Kadir Nordin. 2000. Gaya kepimpinan pengetua cemerlang di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Seremban. Tesis Sarjana Pendidikan. Bangi: UKM

Abu Samad Seron. 2000. Kepimpinan pengetua dalam pengurusan pembangunan pelajar: Satu kajian kes di Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Kajang. Tesis Sarjana Pendidikan. Bangi: UKM

Abdul Halim El-Muhammadi. 1991. *Pendidikan Islam, falsafah, disiplin dan peranan pendidik*. Selangor. Dewan Pustaka Islam.

Abdul Fattah Abu Ghuddah. 2001. *Nabi Muhammad: Guru dan pendidik terunggul*. Negeri Sembilan. M Khairi Enterprise.

Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Amman, Ibrahim Nasir. *Muqaddimah fi al-tarbiyyah*, n.p.: n.pub. 1979.
Andek Masnah. 1999. *Kepimpinan wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah*. Bangi: UKM.

- Aminuddin Mohd. Yusof. 1990. *Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alias Baba. 1997. *Model linear dalam penyelidikan sains sosial*. Bangi. UKM
- Babbie, Earl. 1986. *The practice of social research*. California: Wadsworth Publishing.
- Burns, R. B. 2000. *Introduction to research methods*. London: Sage Publication.
- Hadari Nawawi. 1993. *Kepimpinan yang efektif*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Hassan Langgulung. 1997. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hawa Hassan. 2001. *Peranan pengetua dalam kepimpinan pengajaran bagi meningkatkan keberkesanan sekolah*. Tesis Sarjana Pendidikan. Bangi: UKM.
- Healey, F.Babbie, E. Fried. 1997. *Exploring sosial isuess*. London: Pine Forge Press
- Ibrahim Mamat. 1997. *Memimpin remaja sekolah teori dan praktik*. KL: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Ibn. Taimiyyah. 1971. dalam Andek Masnah. 1999. *Kepimpinan wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah*. Bangi: UKM.
- Kamaruddin Zakaria. 2000. *Kepimpinan Rasulullah s.a.w*. [http://baheis.islam.gov.my/khutbah.nsf +Khutbah+Masjid+Negara](http://baheis.islam.gov.my/khutbah.nsf+Khutbah+Masjid+Negara). 18.2.2004
- Mohd. Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hayati Alwi. 2001. *Konsep Pembangunan Insan dalam Pendidikan*. Ke arah Pembangunan Manusia Berkualiti. Bangi. UKM.

- Wan Mohd.Zahid Noordin. 1993. *Wawasan pendidikan agenda pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Zahrar Baharan.1997. *Perkaitan antara kepimpinan guru matematik dalam bilik darjah dengan pencapaian pelajar*. Tesis Sarjana Pendidikan. Bangi: UKM.
- Zainal Abidin Abdul Kadir. 1994. Dlm. Mohd Yusuf Mohammad. 2003. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: UM
- Zawawi Ahmad. 1991. *Sains dalam pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.